



JENIS ADUAN

Aduan Pemberi Maklumat adalah informasi berkaitan perlakuan tidak beretika oleh mana-mana kakitangan, perunding atau kontraktor Kumpulan DRB-HICOM.

Antara perlakuan tidak beretika adalah:

- Disyaki atau berlaku insiden penipuan atau rasuah, pelanggaran undang-undang atau peraturan Malaysia, polisi prosedur atau obligasi undang-undang syarikat, serta apa-apa jenis perlakuan memperdaya atau mengelirukan
- Hal-ehwal audit, termasuk menyembunyikan maklumat atau menggagalkan proses audit dalaman mahupun luaran
- Melanggar perjanjian kerahsiaan
- Salah guna kuasa
- Pecah amanah
- Kesalahan jenayah
- Menggelapkan / menyalahgunakan wang syarikat
- Melakukan pencatutan hasil daripada maklumat mengenai aktiviti Kumpulan
- Penyalahgunaan maklumat syarikat
- Pemalsuan / pengubahan mana-mana dokumen atau akaun kepunyaan syarikat
- Penipuan perolehan / urusniaga mencurigakan
- Kecuaian
- Menyamar sebagai pegawai
- Pengubahan wang haram
- Penipuan dana pampasan pekerja
- Penyelewengan aset
- Lain-lain salah laku yang memudaratkan

DRB-HICOM

Polisi Pemberi Maklumat

LAPORKAN SALAHLAKU

Laporkan Secara Peribadi/Surat:

Jabatan Audit Dalaman Kumpulan
Tingkat 5, Wisma DRB-HICOM
No.2, Jalan Usahawan U1/8,
Seksyen U1, 40150 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Lain-lain Saluran:

1-800-88-2005

whistleblowing@drb-hicom.com



Jabatan Audit Dalaman Kumpulan



TUJUAN

Polisi Pemberi Maklumat Kumpulan DRB-HICOM

menggariskan komitmen Syarikat untuk memastikan sesiapa sahaja boleh menengahkan sebarang perlakuan salah atau penyelewengan tanpa menerima penganiayaan, gangguan atau diskriminasi, dan memastikan laporan tersebut disiasat.

Polisi Pemberi Maklumat ini merangkumi semua Warga kerja Kumpulan Syarikat DRB-HICOM Berhad termasuklah anak-anak syarikat di bawahnya. Semua pekerja, pengarah, pemegang saham dan mana-mana pihak lain yang mempunyai hubungan perniagaan dengan DRB-HICOM Berhad adalah digalakkan untuk mendedahkan salah laku yang mungkin memberi kesan buruk kepada Syarikat. Walau bagaimanapun, peluang ini tidak seharusnya digunakan sebagai saluran untuk membalas dendam atau sebagai penganiayaan ke atas orang lain

Polisi ini tidak merangkumi perkara-perkara berikut:

- Aduan pelanggan terhadap perkhidmatan Kumpulan yang tidak berkaitan dengan penipuan
- Rungutan peribadi mengenai terma dan syarat pekerjaan

MAKLUMAT YANG DIPERLUKAN

Aduan anda perlu disertakan dengan maklumat berikut:

- Jenis aktiviti / salah laku
- Butiran orang yang disyaki terlibat
- Butiran kejadian (termasuk tempat, tarikh dan masa, serta nama-nama yang terlibat)
- Jenis dan jumlah urusan (jika diketahui)
- Sebarang dokumen, maklumat atau bukti fizikal yang berkaitan dengan aduan

PERLINDUNGAN

Semua pendedahan yang dibuat di bawah dasar ini akan diuruskan secara sulit.

Identiti semua pengadu akan dirahsiakan dan dilindungi.

Pemberi maklumat dilindungi di bawah Akta Undang-Undang Malaysia 711:

Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010

Membuat aduan di bawah Dasar Pemberi Maklumat Kumpulan DRB-HICOM tidak melindungi pengadu daripada tindakan sekiranya beliau sendiri didapati terlibat didalam salahlaku yang sama / sebarang salahlaku atau aktiviti menyalahi undang-undang seperti termaktub di bawah polisi tersebut.



BAGAIMANA MEMBUAT LAPORAN?

Semua aduan dan laporan aktiviti salah laku boleh dilakukan melalui saluran-saluran berikut:

1. Telefon Talian *Whistleblower* **1-800-88-2005**
2. Hantar e-mel ke **whistleblowing@drb-hicom.com**
3. Hantarkan surat ke **Bahagian Audit Dalaman Kumpulan Tingkat 5, Wisma DRB-HICOM No. 2, Jalan Usahawan U1/8, Seksyen U1, 40150 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia**

Setiap aduan dan laporan yang diterima akan sampai kepada **Ketua Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah** dan/atau **Ketua Bahagian Audit Dalaman Kumpulan**.

Bagi laporan secara pos, sampul surat perlu dikedapkan dan ditandakan **"Sulit. Hanya dibuka oleh Penerima."** di sudut kiri atas sampul.

“Semua maklumat yang diterima dari pemberi maklumat akan diurus dengan sulit”

